

قَتِيْقِن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"KITA mahu, jawatan-jawatan dalam industri atau sektor swasta dapat diisi, tanpa terlalu memilih atau cerewet, dan kalau berusaha, janganlah hanya pandai membuka syarikat, sedang syarikat dijalankan oleh orang asing".  
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2020.



# Pelita BRUNEI

كَلْبِيْتِيْتَه

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"KAMU (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah...".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Ali 'Imraan, ayat 110.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 124

14 OKTOBER 2020 / 1442 صفر 26

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlandung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

## UNISSA perlu bersiap memasuki era baharu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Gadong. - Foto : Masri Osman (Lihat muka 3 hingga 6).

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Oktober. - Dengan siapnya Jabatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, satu projek besar pula akan menyusul, iaitu pembinaan kampus baharu Universiti Islam Sultan Sharf Ali (UNISSA) di Temburong.

Projek ini amat bermakna, bukan sahaja pada Temburong, malahan juga

pada Negara Brunei Darussalam selaku mercu tanda betapa Islam di negara ini terus dipupuk dan diperkembang.

Justeru, UNISSA mestilah bersiap dari sekarang untuk memasuki era baharunya, dengan memiliki bangunan yang baharu.

Ke muka 3

## AMBD tandatangani AMBD I-Bills bersama institusi-institusi perbankan

Oleh :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Selasa, 13 Oktober. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) menandatangani Program AMBD Islamic Bills (AMBD I-Bills) dengan bank-bank di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), di sini. Hadir selaku tetamu kehormat ialah

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD.

Ke muka 7

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept\_bn

## Berita Utama



TERIMA kunjungan muhibah

Muka 7



DST lancar lebuhraya digital InnoConnect

Muka 8



GJPMC miliki 2 mesin Angiografi berteknologi tinggi

Muka 9



PENCAPAIAN Perpustakaan DBP 2019

Muka 28

## STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 13 OKTOBER 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN 146

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 143

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148



# UNISSA perlu bersiap memasuki era baharu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Lawatan Tidak Berjadual baginda ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Dari muka 1

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa Lawatan Tidak Berjadual baginda ke UNISSA, di sini.

Persiapan itu, titah baginda lagi, meliputi kemas kini dalam pengurusan dan pentadbiran universiti memperkasa semua fakulti yang ada dan meningkatkan prestasi juga kualiti sekalian tenaga akademik tanpa mengabaikan pencapaian cemerlang para pelajar.

"Bersabit dengan lokasi UNISSA di Temburong kelak, tidakkah sesuai kiranya jika UNISSA menubuhkan sebuah fakulti baharu, yang dinamakan Fakulti Pertanian kerana beta difahamkan ilmu-ilmu pertanian, ternakan dan seumpamanya juga terdapat dalam Islam.

"Jadi beta melihat kalaupun belum masanya untuk kita mempunyai pusat pengajian tinggi pertanian, maka setakat mempunyai fakulti pertanian pun adalah memadai sebagai

keperluan. Semua kita adalah menunggu dan ingin untuk melihatnya menjadi kenyataan," tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menegaskan, baginda tidak mahu kiranya akan ada lagi alasan mengapa projek ini tidak dapat disegerakan.

Terdahulu dalam titah baginda, Kebawah DYMM melahirkan rasa syukur dan gembira kerana dapat meluangkan masa melawat UNISSA yang merupakan pusat pengajian tinggi Islam yang unggul di negara ini, berperanan untuk melahirkan cendekiawan Islam sejati.

Baginda bertitah, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Islam pada masa ini sedang dinamakan dengan pelbagai nama, seperti Islam liberal, Islam sederhana dan lain-lain, tetapi kita tidaklah berminat untuk turut menamakan dengan nama-nama seperti ini, dan hanya berminat untuk memanggilnya dengan panggilan Islam tulen atau Islam

sejati sebagai merujuk pada apa yang dibawa atau disampaikan oleh Nabi kita, Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping untuk melahirkan cendekiawan Islam, tegas baginda lagi, UNISSA juga adalah benteng untuk menolak segala mungkar dan benteng untuk mendepani apa jua bentuk fitnah terhadap Islam, kerana suara UNISSA adalah suara kudus untuk kebenaran.

UNISSA seperti juga lain-lain pusat pengajian yang turut mengeluarkan ijazahnya sendiri, memang ijazah boleh sahaja diraih atau dimiliki, tetapi bukan untuk dimegah-megahkan, kerana adapun semata-mata megah itu, bukan merujuk kepada *attitude* yang sihat, tegas baginda.

Maka dengan itu, UNISSA sebagai sebuah pusat pengajian progresif mesti menampakkan dirinya selalu aktif atau sibuk dengan kerja-kerja akademik atau ilmiah, termasuk sensitif dengan apa-apa yang ada kaitan dengan pendidikan.



SEBAHAGIAN daripada pelajar UNISSA pada Lawatan Tidak Berjadual tersebut (atas dan bawah kiri).

## Inti Sari Titah

- UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) benteng menolak segala mungkar dan mendepani apa jua bentuk fitnah terhadap Islam, kerana suara UNISSA adalah suara kudus untuk kebenaran.
- UNISSA mesti menampakkan dirinya selalu aktif atau sibuk dengan kerja-kerja akademik atau ilmiah, termasuk sensitif dengan apa-apa yang ada kaitan dengan pendidikan.
- PEMBINAAN kampus baharu UNISSA di Temburong.
- MENGEMAS kini dalam pengurusan dan pentadbiran universiti memperkasa semua fakulti yang ada dan meningkatkan prestasi juga kualiti sekalian tenaga akademik tanpa mengabaikan pencapaian cemerlang para pelajar.
- PENUBUHAN sebuah fakulti baharu, dinamakan Fakulti Pertanian kerana ilmu-ilmu pertanian, ternakan dan seumpamanya juga terdapat dalam Islam.
- UNISSA merupakan pusat pengajian tinggi Islam yang unggul di negara ini, berperanan untuk melahirkan cendekiawan Islam sejati.

